

Najib rasmi rasakan bangunan baharu SPRM iaitu kompleks antirasuah terbesar dunia

Kerajaan guna model tender MRT

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan mengguna pakai model dalam penganugerahan tender Transit Aliran Massa (MRT) untuk projek ikonik negara yang lain pada masa depan.

Katanya, projek MRT berjaya disiapkan mengikut bajet dan tempoh masa ditetapkan melalui pengenalan model perolehan tender yang lebih telus.

“Setiap projek harus dinilai secara profesional dari segi kos dan teknikal.

“Jadi, inilah model yang kita lakukan untuk pemberian tender (projek besar) yang tidak diketahui umum.

“Melalui sistem ini, jawatankuasa tender yang saya penguruskan sendiri tidak mengetahui nama syarikat yang membida tender, sebaliknya hanya menggunakan kod PT1, PT2 dan PT3.

“Apabila diputuskan siapa yang mendapat kontrak barulah Ketua Eksekutif akan membawa surat kepada saya dan memaklumkan nama syarikat terpilih,” katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50 Penubuhan Badan Pencegah Rasuah/Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini semalam.

Pada majlis itu, Najib juga merasmikan kompleks baharu Ibu Pejabat SPRM di Presint 7 di sini.

Bangunan yang berkeluasan 2.07 hektar dan terdiri daripada tiga menara masing-masing setinggi 14, 18 dan 22 tingkat itu merupakan kompleks agensi antirasuah terbesar di dunia.

Pada majlis sama, Najib turut melancarkan Yayasan Prihatin SPRM dan mengumumkan peruntukan segera sebanyak



NAJIB diwawancara oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil (dua dari kiri) di konti radio SPRM di Putrajaya semalam.

RM5 juta kepada yayasan tersebut.

Dalam pada itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad berkata, SPRM akan sentiasa mengutamakan rakyat

dan memastikan hak serta kepentingan mereka tidak sesekali ditindas disebabkan gejala rasuah dan salah guna kuasa.

“Perjuangan memerangi rasuah telah berlaku se-



NAJIB, Dzulkifli (belakang tengah) dan pegawai SPRM melihat model bangunan baharu agensi tersebut di Putrajaya semalam.

jak beberapa dekad lalu memerlukan SPRM mengubah kaedah pencegahan dan pembanterasan rasuah sedia ada ke arah satu pendekatan baharu.

“Ia bukan sahaja memer-

lukan SPRM lebih agresif dalam tindakan penguatkuasaan dan operasi, bahkan memerlukan mereka mendekati masyarakat secara lebih mesra,” katanya di sini semalam.